

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6. BILANGAN 2.

BANDAR BRUNEI, RABU, 18 JANUARY, 1961 (1 Sha'aban, 1380)

PERCHUMA

GUNAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN

SERUAN PENERUSI KEMPEN MINGGU BAHASA

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Md. Yusuf, selaku Pengerusi Jawatan Kuasa Kempen Minggu Bahasa yang akan berlangsung pada 10 hingga 16 April 1961 telah menyeru kepada semua peringkat penduduk negeri ini supaya mengambil perhatian dalam melaksanakan Minggu Bahasa yang akan diadakan itu.

Dalam sa-buah risalah mengenai Minggu Bahasa yang akan diadakan itu, Dato Setia Pengiran Md. Yusuf berkata :

"Sesuai dengan dasar Kerajaan sa-bagaimana yang telah termetri dalam Perlembagaan Negeri Brunei, bab 82 (1) bahawa bahasa rasmi di-negeri ini ia-lah Bahasa Melayu yang Kerajaan telah pun menjalankan dasar2 itu.

TUJUAN MINGGU BAHASA

"Dengan berdasarkan kehendak Kerajaan ini maka sa-buah Jawatankuasa yang akan mengelolakan perkembangan bahasa Melayu telah di-tubuhkan dan Jawatankuasa ini telah bersetuju hendak mengadakan satu Minggu Bahasa, yang akan di-adakan mulai dari 10hb hingga 16hb April, 1961. Perkembangan2 bahasa akan di-jalankan di-seluruh negeri ini.

"Tujuan2 kita mengadakan Minggu Bahasa ini ia-lah untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu oleh sa-tiap penduduk di-negeri ini baik apa rupa bangsa sekali pun dan juga akan menggalakkan perkembangan bahasa Melayu pada seluruh ra'ayat di-negeri ini.

"Sa-lain dari itu maksud Minggu Bahasa di-adakan ia-lah menyesuaikan dengan keazaman dan chita2 Kerajaan negeri ini akan menjadikan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di-negeri ini.

"Sa-lain dari itu kita juga memberi peluang kepada penduduk2 seluruh negeri ini bukan sahaja bangsa Melayu supaya menggunakan bahasa Melayu dan mengamalkan penggunaan bahasa Melayu supaya menjadi pertutoran pada sa-tiap masa supaya bahasa Melayu di-akui menjadi bahasa rasmi di-negeri ini. Dengan bertujuan yang di-sebutkan itu-lah Minggu Bahasa tersebut di-adakan.

"Dengan ini kerjasama dari seluruh lapisan masyarakat di-

negeri ini ada-lah sangat dikehendaki. Berjaya-nya kita menggunakan dan mengembangkannya ia-lah dengan mengamalkan bahasa Melayu dan di-gunakan



Y. B. Dato Setia Pengiran Mohamad Yusuf.

oleh sa-tiap lapisan masyarakat di-negeri ini, ia-lah semata2 bergantung kepada kerjasama tuan2 sekalian.

"Dari itu mari-lah kita bersama2 mengikuti dan menjayakan maksud Minggu Bahasa ini.

"Sekalian pegawai2 dan kakitangan Kerajaan baik pun pegawai2 dan kakitangan2 yang mengelolakan perniagaan2 diseluruh negeri ini dan kepada sa-tiap badan persaorangan mari-lah kita menggunakan bahasa Melayu dalam serba serbi penggunaan yang boleh kita gunakan mahu pun dalam menulis atau pun bertutur gunakan-lah bahasa Kebangsaan ia-itu bahasa Melayu.

FAEDAH BAHASA MELAYU

"Dengan menggunakan bahasa Melayu tuan dapat menyedari betapa besar faedah-nya akan tuan dapati apabila tuan dapat menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi di-negeri ini.

"Bahasa Melayu bukan hanya

(Lihat muka 6)

KEWAJIPAN GURU SANGAT TINGGI NILAI-NYA

BERAKAS. — Sa-orang guru tidak akan semporna jika ia tidak menjadikan diri-nya sa-bagai sa-orang murid yang dahaga pada ilmu pengetahuan.

Kewajipan guru sangat tinggi nilai-nya kepada bangsa dan negara kerana guru mempunyai kewajipan mendidik anak2 negeri supaya menjadi anak negeri yang baik.

Ini, telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Inche Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara dalam upacara pembukaan rasmi Darjah Ulang Kaji Guru2 Besar Sa-Negeri Brunei pada pagi 10 January lepas yang di-hadhiri oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Muhammad, bebe-

rapa orang pegawai2 Kerajaan dan Nazir2 Sekolah2 Melayu seluruh Negeri Brunei.

61 orang guru2 yang terdiri dari 5 orang Penolong2 Guru Besar dan 56 orang Guru2 Besar telah mengambil bahagian dalam Darjah Ulang Kaji itu.

"Tenggelam timbul-nya kema-

(Lihat muka 5)

PEMBUKAAN RASMI D.U.K. GURU2 BESAR

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah membuka dengan rasmi-nya Darjah Ulang Kaji Guru2 Besar



Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha.

Sekolah2 Melayu Negeri Brunei yang berlangsung pada 10 January lepas di-dewan Maktab Perguruan Melayu di-sini.

Darjah Ulang Kaji Guru2 Besar itu telah berlangsung dari 10 hingga 13 January lepas.

Dalam merasmikan Darjah Ulang Kaji itu Duli Pengiran Pemancha berkata :

"Saya mengetahui bahawa darjah yang akan di-laksanakan pada hari ini ia-lah untuk memperbaik hal2 pelajaran anak2 Negeri Brunei.

"Saya berharap Darjah Ulang Kaji ini akan mendapat hasil yang memuaskan. Saya mengetahui bahawa tanggungan tuan2 ia-lah mendidik kanak2 supaya menjadi anak negeri yang baik dan berguna kepada masyarakat yang akan datang."

Sa-belum itu sa-bagai mengenang jasa baik mendiang Tuan James Pearce, bekas pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, majlis itu telah "menghening chipta" sa-lama dua minit dengan anjoran Yang Berhormat Inche Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara.

KEMPEN MINGGU BAHASA

BANDAR BRUNEI — Jawatan Kuasa Kempen Minggu Bahasa akan mengeluarkan risalah atau booklet yang mengandungi tujuan Minggu Bahasa dan kegunaan bahasa Melayu yang akan di-buat dalam tiga bahasa ia-itu Melayu, Inggeris dan China.

Keputusan ini telah di-ambil dalam meshuarat Jawatan Kuasa Kempen Minggu Bahasa yang di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Md. Yusuf, di-bilik persidangan Civic Centre pada 5 January lepas.

Lain2 keputusan yang telah di-ambil dalam meshuarat itu ialah :

◆ Lagu Minggu Bahasa akan di-perdengarkan melalui Radio Brunei pada tiap2 hari dan sesudah Lagu Minggu Bahasa itu di-iringi dengan chogan2 kata, mithal-nya "Ingat-lah Minggu Bahasa dari 10 hingga 16 April, 1961", "Bahasa Jiwa Bangsa" dan lain2 ;

◆ Mengadakan poster2 yang mengandungi "Gunakan-lah bahasa Melayu — Minggu Bahasa 10 hingga 16 April, 1961" dan "Bahasa Jiwa Bangsa — Minggu Bahasa 10 hingga 16 April 1961".

Poster2 ini akan di-tampalkan pada bangunan2 Kerajaan atau bangunan2 lain dan pada moto-kar2. Chogan2 kata itu juga akan di-pohonkan sa-bagai lambang stamp di-pejabat2 surat di-seluruh Negeri Brunei untuk di-chapkan pada tiap2 sampul surat yang di-kiriskan di-dalam dan luar negeri ;

◆ Panggong wayang seluruh Negeri Brunei akan di-minta bekerja sama untuk menayangkan chogan2 kata yang di-sebutkan itu ; dan

◆ Chogan2 kata yang lain yang akan di-gunakan di-Radio dan tempat2 lain akan di-buat kemu-

dian dan akan di-hantar kepada semua Jawatan2 Kuasa.

Jawatan Kuasa Kempen Minggu Bahasa itu juga dengan sa-bulat suara telah bersetuju supaya kewajiban melebarkan kempen Minggu Bahasa ini akan di-serahkan kepada Pegawai2 Da'erah masing2.

"Ini, bererti memohonkan kerja sama Pegawai2 Da'erah supaya mereka dengan sendiri-nya melantek jawatan kuasa kempen di-da'erah masing2 dengan mengumumkan berita2 kempen yang di-keluarkan dari Ibu Pejabat", tegas Pengerusi Jawatan Kuasa Kempen Minggu Bahasa.

Darjah Trengkas

BANDAR BRUNEI. — Darjah2 trengkas Melayu, yang terbuka pada pegawai2 atau kaki tangan kerajaan akan di-buka dalam bulan January ini.

Darjah tersebut ia-lah anjoran dari Jabatan Pelajaran Brunei dan akan di-ajar oleh sa-orang juru trengkas Inche Abd. Rahim bin Che' Mat, dari Jabatan Penerangan Brunei.

PERTUKARAN GURU2

BANDAR BRUNEI. — Chegu Abdul Wahab bin Mohamed, Guru Penolong Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong telah di-lantek menjadi Guru Besar Sekolah Melayu Penanjang.

Chegu Pengiran Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim, Guru Penolong Sekolah Melayu Sultan Mohammed Jamalul Alam, Bandar Brunei telah di-lantek men-

jadi Guru Besar Sekolah Melayu Gadong.

Chegu Kifli bin Bujang, Guru Penolong, Anthony Abell College, Seria telah bertukar ka-Jabatan Pelajaran, Bandar Brunei.

Chegu Rosni binti Abdul Hamid, Guru Penolong, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait telah bertukar ka-Sekolah Perempuan Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

Chegu Hashim Thani, guru lepasan Maktab Kirkby dari Malaya yang mengajar di-Sekolah Ahmad Tajuddin Kuala Belait telah bertukar ka-Maktab Perguruan Melayu Brunei sa-bagai sa-orang pensharah.

Chegu Ismail Salleh, sa-orang lagi guru lepasan Maktab Kirkby dari Malaya yang telah mengajar di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong telah bertukar ka-Sultan Omar Ali Saifuddin College.

Chegu Mustapha bin Haji Tahir, Pensharah Kanan di-Maktab Perguruan Melayu Brunei, sa-orang guru lepasan Maktab Kirkby dari Malaya, telah di-lantek menjadi Pemangku Pengetua, Maktab Perguruan Melayu Brunei sa-bagai menggantikan jawatan yang di-kosongkan sa-telah pengetua maktab itu Tuan James Pearce meninggal dunia pada bulan December yang lalu.

TERIMA KASEH

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Inche Mohamed Hashim bin Tahir, Setia Usaha, Darjah Ulang Kaji Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Negeri Brunei menguchapkan berbanyak2 terima kasih kepada semua guru2 besar yang telah mengambil bahagian dalam darjah ulang kaji tersebut.

Darjah ulang kaji itu telah di-mulai pada pagi hari Thalhatha 10 January, 1961 dan di-akhiri pada malam hari Jumaat 13 January, bertempat di-Maktab Perguruan Melayu Brunei.


Yang Berhormat Inche Hashim juga menguchapkan berbanyak2 terima kasih kepada semua orang yang telah memberi cheramah, jabatan2 kerajaan yang telah bekerjasama, guru2 dan penuntut Sekolah2 Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Raja Isteri Fatimah dan Berakas atas sumbangan mereka di-temasha Malam Perpisahan pada malam 13 January, Pemangku Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei yang telah memberi pinjaman maktab itu untuk kegunaan guru2 besar tersebut dan sa-terus-nya kepada semua orang yang telah bersusah payah mengorbankan tenaga masing2 bagi menjayakan darjah ulang kaji guru2 besar itu.

MINGGU BAHASA

LAGU OLEH — INCHE AWANG BESAR SAGAP
SENIKATA — YURA HALIM

MA-RI LAH RAKYAT SE-MU-A BERSUM-PAH DAN SE-TI-A
ME-MU-JA BAHASA I-BUN-DA
BA-HA-SA JI-WA BA-NG-SA
BA-HA-SA-ME-LA-YU RA-YA,
TANDA NYA KI-TA JA-YA
BA-NGUN LAH MAJU LAH SEMU-A
BA-HA-SA LAM-BANG BER-SA-TU
TUNTUT BAHASA MELAYU MELAYU
TAN-DA BANGSA KI-TA MENU-JU NI-AT SA-TU
BERDAULAT SERTA DAR-GAHA-YU DAN MULI-A
BAHA-SA MELAYU.

1. Mari ki-ta se-mu-a belajar ber-sa-ma sa-ma
2. Mari ki-ta semu-a me-maju sas-tera i-bun-da
1. Dengan te-kun dan ta-bah ba-ha-sa me-la-yu jaya.
2. Dengan sema-ngat se-ti-a ba-ha-sa me-la-yu raya.



Darjah Ulang Kaji Guru2 Besar Sekolah2 Melayu seluruh Negeri Brunei yang telah di-adakan di-Maktab Perguruan Melayu Brunei dalam minggu yang lalu telah beroleh kejayaan yang besar.

Sa-bilangan daripada guru2 besar tersebut kelihatan dengan gembira dalam gambar ini pada masa lawatan beliau2 itu ka-Civic Centre, Bandar Brunei.

Berdiri nombor dua dari kiri ia-lah Inche Md. Husain bin Md. Yusuf, Ketua Nazir Sekolah2 Melayu Brunei. Di-antara-kan kelihatan Yang Berhormat Inche Shahabuddin bin Md. Salleh, Guru Besar, Sekolah Melayu Berakas (nombor 7 dari kiri) dan di-belakang Chegu Marsal bin Haji Hassan, Guru Besar, Sekolah Melayu Tanjong Maya (memakai songkok puteh) ia-lah Yang Berhormat Inche Hashim bin Tahir, Nazir Sekolah2 Melayu Temburong yang juga menjadi Setia Usaha Darjah Ulang Kaji tersebut.

BAHASA KEBANGSAAN IA-LAH BAHASA PERPADUAN

4B CHAWANGAN JABATAN LAUT

BANDAR BRUNEI. — Barisan Buroh Bersatu Brunei, Chawangan Jabatan Laut telah di-tubuhkan dalam satu meshuarat agongnya bertempat di-Ibu Pejabat 4B di-Jalan Roberts di-sini pada pagi hari Ahad 8 January.

Dengan tertubuh chawangan 4B yang baharu itu, barisan buroh itu sudah pun mempunyai sa-banyak 21 buah chawangan2, manakala ahli2nya sudah berjumlah kira2 6,000 orang. Demikian menurut Inche Abdul Hapidz Laksamana, Setia Usaha Agong 4B.

Beberapa orang telah memberi ucapan di-majlis tersebut, di-antara-nya ia-lah Inche A.M. Azahari, Penasehat, Barisan Buroh Bersatu Brunei; Inche Matarsad Marsal, Yang Dipertua Agong, 4B; Inche Mahmud Salleh, Setia Usaha Penerangan, 4B dan Inche Abdul Hapidz Laksamana.

tia Usaha — Inche Abdul Rahman bin Judin; Timbalan Setia Usaha — Inche Ismail bin Hassan; Bendahari — Tuan Haji Omar; Timbalan Bendahari — Moxsin bin Osman; Setia Usaha Penerangan — Pengiran Damit bin Pengiran Mohamed Salleh Setia Usaha Organisasi — Inche Metali bin Abdul Razak.

LANTEKAN PEGAWAI2

Pegawai2 Barisan Buroh Bersatu Brunei, Chawangan Jabatan Laut yang telah di-lantek dalam meshuarat agong tersebut ada-lah seperti di-bawah ini :

Ketua — Inche Jusip bin Abu Bakar; Timbalan Ketua — Inche Abdul Hamid bin Budin; Se-

tia Usaha Hal Ahwal Keluar — Pengiran Tajuddin bin Pengiran Hashim; Setia Usaha Kedalam — Inche Ismail bin Ahmad.

Pembantu2 Umum — Inche Abdul Kassim Ghani, Pengiran Merali, Inche Abdul Kahar bin Taha dan Pengiran Timbang bin Pengiran Ahmad.

PERSEKUTUAN LAUT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah persekutuan yang baharu mengandungi pegawai2 dan anggota2 Jabatan Laut tempatan telah di-tubuhkan di-sini baharu2 ini.

Persekutuan itu, di-namakan Persekutuan Laut, Brunei, adalah di-pimpin buat sementara oleh Inche Johari bin Abdul Razak, Kerani Besar, Pejabat Laut, Brunei.

Di-antara dasar2-nya persekutuan itu akan mengusahakan, menambah dan memperbaiki pengetahuan, kebudayaan, kesenian, kesihatan dan iktisad ahli2-nya.

Persekutuan itu di-ujudkan juga untuk memperbaiki nasib pe-

gawai2 dan anggota2 Jabatan Laut, berdiri di-atas dasar perike-manusiaan dan ugama Islam serta mendukung dan mengamalkan keadilan social dan demokrasi.


Pegawai2 sementara Persekutuan Laut, Brunei yang telah dilantek dalam meshuarat tersebut ada-lah seperti berikut :

Yang Dipertua—Inche Johari bin Abdul Razak; Naib Yang Dipertua — Inche Awang bin Dollah; Setia Usaha — Inche Jusip bin Abu Bakar; Penolong Setia Usaha — Inche Salleh bin Bungkol; Penyimpan Wang — Awang Abdulrahman bin Judin; Penolong Penyimpan Wang — Inche Matzain bin Bungsu; Pemereksa Kira2 — Inche Abdul Hamid bin Haji Hitam dan Penolong Pemereksa Kira2 — Inche Ibrahim bin Haji Salleh.

JAWATAN KUASA

Ahli2 Jawatan Kuasa Inche Moxsin bin Haji Othman, Inche Abdul Latip bin Ismail, Inche Tuah bin Kapal, Pengiran Sabtu bin Pengiran Othman, Inche Ismail bin Bakar, Inche Ismail bin Hashim dan Inche Tahir bin Hussin.

PEMENANG2 PERADUAN BAHATH



Penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei yang telah berjaya memenangi peraduan bahath di-antara sekolah2 di-Brunei. Peraduan itu telah di-langsungkan pada masa sambutan Hari Pelajar di-bawah anjoran Persatuan Peminat Bahasa Melayu, Sultan Omar Ali Saifuddin College Brunei pada bulan yang lalu. Dari kiri Inche Metusin bin Haji Serudin, Inche Sulaiman bin Chuchu dan Inche Thani bin Muhammad. Gambar kiriman Inche Zaidi Mohamed Taha.

SERUAN S. U. A. 4B

BANDAR BRUNEI. — Seluruh pemimpin dan anggota Barisan Buroh Bersatu Brunei hendak-lah bekerja keras menjaga nama baik pertubohan tersebut dan jangan-lah hendak-nya membuat kesalahan2 dan melanggar peraturan2 yang menasabah di-tempat mereka bekerja.

Sebab jika pelanggaran peraturan terjadi hanya akan menyulitkan perjuangan Empat B dan memburokkan nama baik pertubohan tersebut.

Seruan ini telah di-buat oleh Inche Abd. Hafidz, Setia Usaha Agong, Empat B dalam sa-buah "arahan-nya" untuk menjaga na-

ma baik dan tatatertib pertubohan tersebut.

Arahan itu sa-lanjut-nya menyeru pemimpin2 dan anggota2 Empat B supaya :

- ◆ Menjaga tatatertib dan disiplin Empat B; dan
- ◆ Bekerja keras untuk meluaskan dan memperkuat kedudukan Empat B.

Orang2 yang melanggar disiplin, tindakan2 akan di-ambil menurut sa-wajar-nya; kata siaran itu.

Persatuan Pegawai2 Kerja Tetap

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Pegawai2 Kerajaan Kerja Tetap Negeri Brunei akan mengadakan meshuarat jawatan kuasa-nya kali yang kedua di-Kuala Belait pada pagi hari Jumaat 20 January.

Di-antara perkara2 yang akan di-bincangkan dalam meshuarat jawatan kuasa tersebut ia-lah mengenai perkara menetapkan tarikh meshuarat agong persekutuan itu.

Jawatan kuasa persekutuan itu akan juga menyemak rang undang2 persekutuan tersebut yang telah siap di-gubalkan oleh pegawai2 sementara-nya.

MESHUARAT AGONG KLAB MELAYU SHELL

SERIA. — Klab Melayu Shell akan mengadakan meshuarat agong tahunan-nya pada hari Ithnin 30 January mulai pukul 7 malam.

Di-antara achara2 yang akan di-jalankan ia-lah memilih pegawai2 baru serta membincangkan perkara2 atau chadangan2 yang telah di-sampaikan oleh ahli2 dengan bertulis 21 hari sa-belum tarikh meshuarat agong tersebut.

CHAWANGAN2 BARU PERTUBOHAN KEBANGSAAN

TUTONG. — Yang Berhormat Inche Abdul Manan bin Mohamed, Yang Dipertua Agong, Pertubohan Kebangsaan Brunei telah membuka dengan rasminya Chawangan Ukong pertubohan itu baharu2 ini.

Pertubohan tersebut telah juga menubuhkan sa-buah lagi

chawangan-nya di-Kampung Kiudang baharu2 ini.

Istiadat pembukaan rasmi Pertubohan Kebangsaan Brunei, Chawangan Kiudang itu telah di-lakukan oleh Inche Abdul Ghani bin Safar, Setia Usaha Agong, Pertubohan Kebangsaan Brunei.

Meshuarat Agong Partai Ra'ayat

SENGKURONG. — Partai Ra'ayat Brunei, Chabang Sengkurong akan mengadakan meshuarat agong-nya bertempat di-pejabat baharu chabang Partai Ra'ayat itu di-Batu 11 Jalan Tutong pada hari Jumaat 20 January.

Beberapa orang pegawai2 kanan Partai Ra'ayat Brunei akan memberi sharahan di-majlis tersebut sa-belum meshuarat agong Partai Ra'ayat Brunei, Chabang Sengkurong di-mulai pada hari itu.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Partai Ra'ayat Brunei, Chabang Sungai Kedayan telah mengadakan meshuarat agong-nya pada hari Jumaat yang lalu.

PERUSAHAAN BARANG2 PERAK DI-BRUNEI

Oleh kerana bukan tujuan hendak merewatkan kesah2 yang sudah lama dan tenggelam, hanyut di-bawa oleh masa dan zamam, maka di-sini soal perusahaan besi itu terpaksa di-tinggalkan, dan beredar meninjau perusahaan perak, ia-itu satu perusahaan desa yang maseh hidup dan yang boleh-lah di-katakan sa-bagai satu perusahaan yang dapat menjamin penghidupan orang2 yang mengusahakan-nya. Perusahaan ra'ayat yang dapat di-agong2kan, perusahaan yang mendapat tempat agong di-sisi mesarakat Brunei.

PERTANYAAN DAN DISKUSI

Sa-belum peninjauan di-jalankan sa-lanjut-nya, harus di-ketahui bahawa segala pendapatan yang tertulis berkenaan perusahaan perak ini ia-lah didasarkan kepada pertanyaan dan diskusi dengan beberapa orang yang mahir di-dalam perkara perusahaan perak itu.

Memang agak-nya susah hendak menchari tarikh yang sa-benar-nya bila perusahaan perak di-Negeri Brunei ini di-mulai, dan lebeh susah lagi hendak mengetahui dari mana perusahaan itu datang-nya. Satu kesimpulan yang harus di-ketahui bersama ia-lah bahawa perusahaan perak itu datang dari salah satu kepulauan kita yang bertaburan di-nusantara ini.

Untuk mendekatkan kepada kebenaran yang saya kumpulkan dari pertanyaan2, dapatlah saya simpulkan bahawa perusahaan perak itu datang ke-negeri ini lebeh kurang lima abad dahulu, di-kala Kerajaan Brunei berada di-dalam ke-agongan.

DI-ALAM FEUDAL

Mengikut satu renchana yang tersiar di-dalam Pelita Brunei keluaran 3 August, 1960, konon-nya Sultan Bolkiah (Sultan Brunei di-kala itu) telah membawa 40 orang ahli seni lukis dan ukir dari Jawa dan Tiongkok untuk membena istana baginda di-kota Batu yang terkenal itu, dan mengikut kepercayaan mereka itu-lah membawa pertukangan perak itu ka-Brunei ini.

Benar atau tidak keterangan2 yang saya kumpulkan itu, tidak-lah begitu berkesan kepada maksud kita hendak mengupas perusahaan perak itu dari dekat atau dari sudut kepentingannya di-dalam perekonomian desa kita.

Oleh kerana perusahaan perak itu telah di-lahirkan di-alam feudal, maka sudah tentu rupa penghasilan berben-tok demikian juga. Hingga ketahun 1922, semua penghasilan pertukangan perak itu berchorak satu saja, ia-itu membuat

Inche Zaini bin Haji Ahmad, telah menulis di-sekitar peninjauan-nya tentang perekonomian ra'ayat dalam bidang2 perusahaan dan perindustrian dan lain2.

Sambongan peninjauan beliau kali ini, ia-lah mengenai Perusahaan Barang2 Perak di-Brunei seperti berikut.

perkakas2 perak yang hanya diperlukan oleh orang2 tingkat atasan saja.

Hasil2-nya itu ada-lah seperti batil, kandi, buah manggis perhiasan kahwin, gelang bersusun dan sa-bagai-nya. Jadi-nya perusahaan perak pada waktu itu tidak-lah dapat di-katakan sa-bagai salah satu perusahaan yang dynamis seperti perusahaan lain, sebab pasar-nya terlalu terbatas oleh kerana terkungkong sifat-nya kepada unsor

kunu dan feudal.

Sa-sudah tahun 1922, ia-itu apabila pengusaha2 perusahaan perak itu telah pergi keluar negeri (Singapura) maksud-nya, dan melihat hasil2 perusahaan pertukangan perak dari negeri2 lain di-pameran yang di-adakan untuk merayakan ketibaan Prince of Wales—Tengku Mahkota Inggeris waktu itu, maka apabila mereka balek ka-tanah ayer, timbul-lah aliran baru yang di-

bawa oleh jiwa baru di-dalam seni ukir mengukir perusahaan perak itu.

Chiptaan2 baru, seperti membuat tempat cigarette, keris sematan tali lahir, dan sa-bagai-nya itu sudah menjadi kelaziman. Tambahan pula tahun 1922 itu sudah boleh dianggap sa-bagai zaman peredaran, zaman yang membawa beberapa perubahan di-dalam penghidupan manusia yang telah di-kisar oleh peperangan dunia ke-1 itu.

Tahun 1922 itu telah membawa beberapa perubahan perasaan dan jiwa chiptaan2, di-kalangan ahli2 seni ukir khas-nya dan ra'ayat biasa umum-nya. Demikian-lah perubahan di-dalam perusahaan perak di-negeri ini.

(Bersambung)

PERUSAHAAN TANAMAN PADI PAYA

Dalam "Pelita Brunei" keluaran 4 January lepas, Inche Ahmad bin Haji Ismail, dari Jabatan Pertanian, telah menulis tentang "perusahaan tanaman padi paya."

Dalam tulisan-nya itu, beliau telah memaparkan tentang peninjauan-nya sa-kira-nya beras tidak di-datangkan dari luar negeri, chara2 mengatasi kesulitan2 supaya hasil padi makin bertambah dan lain2.

Sambongan tulisan Inche Ahmad sa-lanjut-nya ada-lah seperti berikut:

Mengenai hal mengerjakan paya atau sawah yang baik yang boleh di-ikuti atau dilaksanakan, supaya akan jadi pedoman dan bantuan kepada kita sekalian.

Wajib-lah kita semua ahli2 peladang, terlebih dahulu mengetahui serba sedikit tentang chara2 yang baik dan semporna dari yang ada sekarang, untuk menambah satu langkah kemajuan kita ka-hadapan.

Chara2 yang baik dan semporna ada empat perkara seperti berikut:—

1. Wajib-lah mengetahui akan musim2-nya, supaya sama rata melaksanakan pekerjaan.

2. Tanah persawahan atau

paya itu di-kehendaki sa-bepa-luas, dengan perbuatan sa-demikian akan terjamin-lah kehidupan dan kesuboran padi2 itu dari serangan musuh2 atau lain2-nya.

3. Benih2 padi mahu-lah baka yang baik, sesuai dan mendatangkan hasil.

4. Penjagaan dan perusahaan, mustahak di-lakukan bersungguh2 dengan tabah dan giat.

PUNCHA HASIL

Perusahaan bertanam padi2 paya, ada-lah satu puncha yang mendatangkan hasil yang memuaskan, tegas-nya pada kita manusia, tetapi lazim-nya orang2 kita di-sini suka berpindah2, alangkah baik-nya jika tetap seperti lain2 negeri sa-hingga berabad2 lama-nya mengusahakan dengan mendapat hasil2 yang memuaskan.

Chara2 yang baik dan semporna, sa-lain daripada menggunakan jentera ada-lah seperti berikut:—

Tanah2 yang di-kehendaki biar-lah luas dan tidak mudah di-tenggelamkan oleh ayer masa hujan lebat dan sa-balek-nya senang mendapat ayer2 yang menyuburkan tanaman padi.

Jika di-pandang sambil lalu atau daripada petua orang tua2 kita, tanah2 yang di-tumboh rumput budak Melaka tali2 juru dan paku2 adalah salah satu tanah yang baik dan sesuai di-jadikan ladang bertanam padi paya.

Berjijak pula mengkehendaki kerbau2 lebeh banyak digunakan dan memakan masa yang lanjut. Pada pendapat saya lebeh baik menggunakan radu daripada berjijak, kerana penangkapan kerbau2 di-laksanakan terlebih dahulu sebelum menjalankan pekerjaan menjijak sa-hingga berbulan2 baharu menchukupi.

(Bersambung)



Sa-bilangan daripada Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Negeri Brunei yang telah mengambil bahagian dalam Darjah Ulang Kaji kelihatan pada masa lawatan beliau2 itu ka-Tempat Panchuban Pertanian Kerajaan di-Kilanas pada petang hari Rabu yang lalu.

BIAR MATI ANAK JANGAN MATI ADAT

— Pendapat Inche Rahim

BANDAR BRUNEI — Sa-orang kerani di-Pejabat Hal Ahwal Ugama, Brunei telah memenangi hadiah yang pertama dalam peraduan mengarang di-bawah anjoran Radio Brunei pada minggu yang lalu.

Beliau ia-lah Inche Abdul Rahim bin Mohamed Wali.

Inche Abdul Rahim telah di-lahirkan di-negeri ini 21 tahun dahulu dan sa-orang bekas penuntut Sekolah Melayu Mohamad Alam, Seria

Beliau mulai berkhidmat dengan Kerajaan Brunei tiga tahun dahulu. Dalam masa itu, Inche Rahim telah berkhidmat sa-lama dua tahun di-Pejabat Kehakiman, Kuala Belait dan kemudian di-Pejabat Hal Ahwal Ugama di-sini hingga ka-masa sekarang.

Pada masa beliau tinggal di-Kuala Belait, Inche Rahim telah

tinggalan mengorbankan masa di-lapangan persuratan, kesusasteraan, kebudayaan, dan sukan.

Dalam peraduan mengarang tersebut yang bertajok, "Manakah yang lebih baik—biar mati anak jangan mati adat atau biar mati adat jangan mati anak?", Inche Abdul Rahim tidak ragu2 lagi memberi pendapat-nya bahawa biar-lah mati anak, tetapi jangan-lah mati adat.

Pemenang yang kedua dalam peraduan tersebut ia-lah "RB" dari Seria.

Tiga orang lagi yang berjaya dalam peraduan tersebut ia-lah seperti di-bawah ini:

Inche Mohamed Yusuf bin Haji Ahmad, Kampong Pengiran Pemancha Lama, Kampong Ayer, Brunei.

Puan Mastunah binti Nawi, Nombor 8 A, Rumah Kerajaan, Jalan Raja Isteri, Seria.

Inche Abdul Latif Talib, Kampong Hujung Bukit, Kampong Ayer, Brunei.

Peraduan mengarang yang baharu di-bawah anjoran Radio Brunei ia-lah bertajok, "Patutkah kaum wanita di-beri hak yang sama dengan kaum lelaki?".

Para peserta di-minta menghantarkan karangan masing2 kepada Penerbit, Ranchangan Apa-kah Pendapat Tuan2, Radio Brunei, Bahagian Melayu, Bandar Brunei tidak lewat dari hari Khamis 19 January.



Inche Abdul Rahim.

mengambil berat dalam hal ahwal kesenian dan dengan itu telah mencheborkan diri-nya sebagai sa-orang ahli Rangkaian Melati Orkest di-bawah pimpinan Inche Haris Bongsu.

Sa-lain dari pada mengambil berat dalam hal ahwal seni lagu, Inche Rahim juga tidak ke-

Inche Abu Bakar balek dari Australia

BANDAR BRUNEI — Inche Abu Bakar bin Ahmad, Pegawai Ranchangan Radio Brunei, Bahagian Melayu telah balek ka-Brunei baharu2 ini dari Australia.

Beliau telah pergi ka-Australia untuk menghadiri kursus siaran Radio di-bawah ranchangan Colombo pada pertengahan bulan September yang lalu.

Dalam masa tersebut beliau telah berlateh dengan Radio Australia di-beberapa tempat, diantaranya ia-lah di-Melbourne, Canberra, Sydney, dan Brisbane.

Inche Abu Bakar ia-lah sa-

enam bulan pada tahun 1959 dan dengan Radio Singapura sa-lama sa-bulan pada tahun itu juga.

Menurut keterangan Inche Abu Bakar, delapan orang pegawai2 Radio termasuk beliau telah



Inche Abu Bakar bin Ahmad, Pegawai Ranchangan, Radio Brunei, Bahagian Melayu (memakai kaca mata dan berdiri di-belakang sa-orang laki2 dan perempuan) di-gambarkan di-Rumah Parlimen, Canberra pada masa beliau menghadiri kursus siaran Radio di-Australia baharu2 ini. Gambar Australian News and Information Bureau.

orang daripada pegawai2 Kerajaan yang telah berkhidmat dengan Radio Brunei semenjak penubuhan Radio itu pada tahun 1957.

Terlebih dahulu beliau telah berkhidmat dengan beberapa buah pejabat kerajaan di Borneo Utara dan Brunei.

Inche Bakar mulai mendapat latihan berkenaan ranchangan siaran Radio dengan Radio Sarawak di-Kuching sa-lama empat bulan sa-tengah.

Beliau telah juga berlateh dengan Radio Malaya sa-lama

menghadhiri kursus siaran Radio di-Australia pada tahun lepas.

Mereka ia-lah 3 orang dari Negeri Siam, ia-itu 2 orang wanita dan sa-orang laki2, 2 orang dari Ceylon, sa-orang dari India, sa-orang dari Filipina dan Inche Bakar dari Brunei.

Dalam masa menghadiri kursus itu, pegawai2 Radio tersebut telah dapat peluang menjalankan perkhidmatan mereka di-beberapa buah steshen Radio di-Australia dan dengan hal itu dapat-lah mereka menambahkan pengalaman masing2 dalam siaran Radio.

KEWAJIPAN GURU SANGAT TINGGI NILAI-NYA

(Dari muka 1)

juan sa-buah negara ada-lah tergantung kepada guru2-nya yang bertanggung jawab. Guru Besar ada-lah menjadi contoh dan perhubungan muhibbah dengan ibu bapa murid2 sakalian." Demikian kata Inche Idris dalam ucapan-nya itu.

Sa-belum itu beliau telah mengalu2kan kedatangan para hadirin dan menyatakan tujuan2 darjah ulang kaji itu di-adakan; antaranya ia-lah :

- ◆ Membaharui ingatan antara guru2 yang jauh dan dekat yang telah lama tidak berjumpa;
- ◆ Bertukar2 fikiran satu dengan lain;
- ◆ Menyampaikan ilmu pengetahuan yang baharu; dan
- ◆ Mengkemukakan masaalah chara2 mengajar.

Inche Idris telah menegaskan bahawa darjah ulang kaji itu belumlah sempurna menurut arti kata yang sa-benar-nya kerana kita tidak dapat mengadakan pakar2 dalam bahagian yang tertentu untuk memberi cheramah dalam darjah ulang kaji.

Tetapi walau bagaimanapun, kata Pegawai Pelajaran Negara itu, kita akan mendatangkan pakar2 dalam bahagian tertentu untuk membuat cheramah-nya dalam darjah ulang kaji pada masa hadapan. Mungkin kita akan meminta dari Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam ucapan-nya yang berharga itu Inche Idris telah menjelaskan berkenaan dengan berbagai2 kursus, seperti sukan dan lukisan, yang di-jalankan di-bawah anjoran Jabatan Pelajaran Negeri Brunei.

BAKAL2 HAJI DARI BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Sembilan puluh orang, laki2 dan perempuan dari Negeri Brunei akan menunaikan fardhu haji pada tahun ini. Pada tahun yang lalu hanya empat puluh satu orang sahaja yang telah berangkat ka-Mekah dari negeri ini.

Di-antara bakal2 haji pada tahun ini ia-lah tujuh orang yang akan menunaikan fardhu haji atas perbelanjaan Kerajaan Brunei.

Beliau2 itu ia-lah seperti di-bawah ini:

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Penerangan Negara, Brunei.

Yang Berhormat Inche Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar dari Jabatan Pelajaran Brunei.

Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Daerah Brunei-Muara.

Pengiran Ahmad bin Pengiran Apong dari Jabatan Elektrik, Bandar Brunei.

Inspektor Mohamed bin Salleh, Penguasa Jabatan Bomba, Brunei. Chegu Abdul Hamid bin Yaakob, Guru Besar Sekolah Melayu Baru-Baru, Brunei.

Inche Hanafiah bin Abdullah dari Pejabat Perbekalan Negara, Brunei.

Wanita Di-lapangan Masharakat

BANDAR BRUNEI. — Kejayaan politik mengembirakan tetapi kejayaan mendapat taraf merdeka mengharu sanubari sa-sorang. Dalam keadaan yang serba mengembirakan dalam suasana politik tahun yang lepas satu perkara yang sangat mustahak tetapi tidak beberapa di-sedarkan ia-lah dalam kejayaan beberapa buah negara mencapai taraf merdeka peranan wanita sa-makin bertambah penting dalam negara2 baharu merdeka itu.

Bilangan wanita yang mengambil peranan penting itu tidak ramai di-sebabkan keadaan yang serba kurang terutama-nya pelajaran. Tetapi pengaruh wanita ada-lah lebih besar dari bilangan mereka.

Siapa-kah wanita yang terke-muka dalam gerakan2 dan bagaimanakah mereka itu telah berjaya.

Sa-orang daripada-nya ia-lah Puan Lucy Lameck dari Tanganyika. Puan Lameck berumur 29 tahun baharu sahaja di-lantek oleh Gabenor negara itu menjadi ahli Majlis Undangan Negeri Tanganyika.

Sebab-nya maka Puan Lameck

Seruan pengerusi

K. M. B.

(Dari muka 1)

di-gunakan oleh penduduk2 di-negeri Brunei tetapi ia-lah juga di-gunakan oleh penduduk2 yang berjumlah lebih daripada 100 juta manusia di-seluruh kepulauan Melayu ini.

“Dengan menyadari bahawa penting-nya mengetahui Bahasa Melayu bukan hanya merupakan Bahasa Kebangsaan di-negeri Brunei tetapi juga di-seluruh kepulauan Melayu maka perhayalah bahawa Bahasa Kebangsaan ini akan dapat menyatukan perasaan, menyatukan taat setia dan menyatukan perasaan bersafahaman bagi sekalian rakyat negeri ini.

“Dengan menggunakan Bahasa Melayu tuan2 akan dapat menyadari dan merasai tuan2 berada di-lapangan yang dapat menyesuaikan diri sendiri.

Sebab itu pelajari-lah bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Kebangsaan kita. Utamakan-lah Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Kebangsaan kita dan berchakap-lah, bertutur-lah dan menulis-lah dengan Bahasa Melayu.”

“BAHASA JIWA BANGSA”.

telah di-lantek tidak-lah payah di-susul. Ia telah memenangi dermasiswa Kesatuan Kebangsaan Tanganyika dan telah memasoki Ruskin College, Oxford sa-lama dua tahun. Sa-lepas itu ia telah menuntut pula di-Amerika Sharikat sa-lama dua tahun lagi.

Latehan yang di-dapati-nya semua-nya memberi faedah kapada-nya untuk mengkechimpungkan diri-nya dalam politik dan apabila ia balek ka-negeri-nya ia telah membawa balek bersama-nya pengalaman dan pengetahuan yang memberi faedah kapada negeri-nya.

Dalam bulan September tahun lepas dua orang wanita Islam dari Aden Puan Siti Aisha Mumedan yang menjadi Guru Besar di-sabuh sekolah kerajaan dan Puan Dahado Adan, sa-orang pekerja rumah sakit telah di-anugerahkan sijil kehormatan oleh Gabenor kerana perkhidmatan masing2 kapada masharakat.

Di-Nigeria, sa-orang guru sekolah lagi ia-itu Puan Esan telah di-lantek menjadi ahli dewan senate dan ia-lah wanita yang pertama menjadi ahli Dewan Undangan Persekutuan Negeri2 Nigeria. Sa-lain dari Puan Esan dua orang wanita yang berkhidmat sebagai guru ia-lah juga ahli Dewan Pertuanan di-negeri Bahagian Timor, Nigeria.

Di-kawasan perlombongan di-Utara Nigeria, ada dua orang wanita yang sa-mata2 berkhidmat kerana hendak meningkatkan taraf wanita di-kawasan itu.

Klas2 wanita yang mereka anjorkan di-kawasan itu memberi latehan masak memasak, jahit menjahit, didekan kanak2 dan kebersihan.

Di-India dan Pakistan, perkem-


bangkan kesehatan dan pelajaran bergantung besar pada perkhidmatan doktor2 perempuan, jururawat dan guru2.

Lapangan ilmu undang2 dan politik juga menarik wanita yang makin lama makin ramai menjadi peguam dan ahli siasah. Keadaan ini sangat jelas di-West Indies, Persekutuan Tanah Melayu, Afrika dan Hongkong, dimana pengaruh wanita sangat besar.

GURU2 KA-MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Lima orang guru2 yang mengajar di-sekolah2 tempatan telah berangkat ka-Malaya baharu2 ini untuk berlateh di-Maktab Perguruan Ilmu Khas di-Kuala Lumpur, dalam berbagai2 ilmu.

Guru2 itu ia-lah seperti berikut :
Inche Zaini bin Abdul Hamid dan Sultan Omar Ali Saifuddin College; Inche Mohamed Hussain bin Zainal dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam; Inche Abdul Rahman bin Haji Ja'afar dari Sekolah Melayu Gadong; Puan Jamaliah binti Abu Hanifah dari Sekolah Perempuan Melayu Raja Isteri Fatimah dan Puan Salmah binti Abdul Kadir dari Sekolah Perempuan Melayu Raja Isteri Fatimah.



Pemuda Pemudi di-Tanjong Maya, Tutong telah mengadakan satu majlis perjumpaan bertempat di-bangunan Sekolah Melayu Tanjong Maya baharu2 ini kerana meraikan beberapa orang pemuda pemudi yang telah berjaya dalam berbagai2 lapangan. Dan yang sedang berucap itu ia-lah Che'gu Salmah.

BERCHAKAP-LAH DAN MENULIS-LAH DENGAN BAHASA MELAYU

HARI2 KELEPASAN AWAM 1961

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah mengishtiharkan hari2 kelepasan awam dalam Negeri Brunei pada tahun ini seperti berikut :

Hari Tahun Baharu (di-ganti kerana 1 January ia-lah hari Ahad) — Hari Ithnin 2 January.

Me'raj — Hari Sabtu 14 January.

Hari Raya China — Hari Rabu 15 February.

* Hari Permulaan Puasa — Hari Khamis 16 February.

Hari Raya Puasa dan hari yang berikut (di-ganti kerana 19 March ia-lah hari Ahad) — Hari Sabtu 18 March dan hari Ithnin 20 March.

Good Friday (di-ganti kerana 31 March ia-lah hari Jumaat) — Hari Sabtu 1 April.

* Hari Raya Haji dan hari yang berikut (di-ganti kerana 26 May ia-lah hari Jumaat) — Hari Khamis 25 May dan hari Sabtu 27 May.

Hari Kebebasan — Hari Sabtu 10 June.

Hari Keputeraan Queen — Hari Sabtu 10 June.

Tahun Baharu Islam (1 Moharam 1381) — Hari Rabu 14 June.


Maulud — Hari Rabu 23 August.

Hari Keputeraan D.Y.M.M. Sultan Brunei — Hari Sabtu 23 September.

Hari Perlembagaan (di-ganti kerana 29 September ia-lah hari Jumaat) — Hari Sabtu 30 Sept.

Hari Krismas dan hari yang berikut — Hari Ithnin 25 December dan hari Thalatha 26 December.

* Terta'alok kapada perubahan.



Penuntut2 perempuan Maktab Perguruan Melayu Brunei kelihatan dalam gambar ini sedang mempersembahkan sa-buah tarian Melayu asli di-temasha Melam Perpishan maktab itu pada bulan yang lalu.

PERLUMBAAN BERENANG ANJORAN S. R. C.

SERIA. — Perlumbaan berenang untuk merebutkan kejohanan berenang terbuka kepada orang ramai dan kanak2 laki2 dan perempuan di-bawah anjoran Shell Recreation Club telah di-adakan di-kolam berenang klab itu baharu2 ini dengan beroleh kejayaan yang besar.

Semua-nya empat belas jenis perlumbaan telah di-adakan. Di-antara-nya termasuk pertandingan menyelam untuk orang2 dewasa dan kanak2.

David Chelliah telah menjadi johan di-antara orang2 dewasa bahagian laki2.

Gelaran johan perlumbaan berenang terbuka kepada orang2 dewasa bahagian perempuan telah di-perolehi oleh Puan Eileen Ho.

John Chelliah bersama2 dengan Wong Chee Ping telah bersama2 menjadi johan bersekutu perlumbaan berenang terbuka kepada kanak2 bahagian laki2.

Susie Ho telah memenangi gelaran johan perlumbaan berenang terbuka kepada kanak2 bahagian perempuan.

Keputusan penoh perlumbaan berenang tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

Chara bebas (orang2 dewasa bahagian laki2) — 1. David Chelliah 2. Lee Chong Kit 3. Arthur Azcona dan Lawrence Ho. (masa-nya 18.1 sa'at).

Chara bebas (orang2 dewasa bahagian wanita) — 1. Eileen Ho dan 2. Joyce Abad (masa-nya 23.5 sa'at).

Chara bebas (kanak2 laki2) — 1. John Chelliah 2. Wong Chee Ping dan 3. Edwin Tan (masa-nya 22.4 sa'at).

Chara bebas (kanak2 perempuan) — 1. Patricia Wells 2. Susie Ho dan 3. Betty Leong (masa-nya 25.8 sa'at).

Perlumbaan chara "breast stroke" (orang2 dewasa bahagian laki2) — 1. Lee Chong Kit 2. David Chelliah dan 3. Lawrence Chong (masa-nya 55.3 sa'at).

Perlumbaan chara "breast stroke" dari tempat permulaan hingga ka-hujung kolam sa-kali sahaja (orang2 dewasa bahagian wanita) — 1. Eileen Ho dan 2. Joyce Abad (masa-nya 30.5 sa'at).

Perlumbaan chara "breast stroke" dari tempat permulaan hingga ka-hujung kolam sa-kali sahaja (kanak2 laki2) — 1. John Chelliah 2. Lawrence Lee dan 3. Wong Chee Ping (masa-nya 32 sa'at).

Perlumbaan chara "breast stroke" dari tempat permulaan hingga ka-hujung kolam sa-kali sahaja (kanak2 perempuan) — 1. Linda Li Lai Wan 2. Susie Ho dan 3. Patricia Wells (masa-nya 32.2 sa'at).

Perlumbaan chara "breast stroke" dari tempat permulaan hingga ka-hujung kolam sa-kali sahaja (kanak2 laki2) — 1. John Chelliah 2. Lawrence Lee dan 3. Wong Chee Ping (masa-nya 32 sa'at).

Perlumbaan chara "breast stroke" dari tempat permulaan hingga ka-hujung kolam sa-kali sahaja (kanak2 perempuan) — 1. Linda Li Lai Wan 2. Susie Ho dan 3. Patricia Wells (masa-nya 32.2 sa'at).

Perlumbaan chara "breast stroke" dari tempat permulaan hingga ka-hujung kolam sa-kali sahaja (kanak2 laki2) — 1. John Chelliah 2. Lawrence Lee dan 3. Wong Chee Ping (masa-nya 32 sa'at).

hingga ka-hujung kolam dua kali (orang2 dewasa bahagian laki2) — 1. David Chelliah 2. Lawrence Chong dan 3. Joseph Chong (masa-nya 59.5 sa'at).

Perlumbaan chara "back stroke" dari tempat permulaan hingga ka-hujung kolam sa-kali sahaja (kanak2 laki2) — 1. John Chelliah 2. Lawrence Lee dan 3. Wong Chee Ping (masa-nya 32 sa'at).

Peraduan menyelam (orang2 dewasa bahagian perempuan) — 1. Eileen Ho dan 2. Joyce Abad.

Peraduan menyelam (kanak2 perempuan) — 1. Susie Ho 2. Patricia Wells dan 3. Cassie Ho.

Peraduan menyelam dari papan atas (orang2 dewasa bahagian laki2) — 1. Arthur Azcona 2. Lee Chong Kit dan 3. Lawrence Chong.

Peraduan menyelam dari papan atas (kanak2 laki2) — 1. Wong Chee Ping 2. Harold Tan dan 3. John Chelliah.

Maju di-lapangan bola sepak

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Bekas Penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei telah menang 3 pertandingan bola sepak sa-chara persahabatan dan seri dalam satu pertandingan baharu2 ini.

Pada 4 January, persekutuan itu telah beroleh seri (1 gol berbalas 1) dengan Pasokan Forelanders, dari Bandar Brunei.

Empat hari kemudian pasukan tersebut telah berangkat ka-Limbang dan mengalahkan Limbang Recreation Club dengan 2 gol berbalas 1.

Pada 10 January pula, Persekutuan Bekas Penuntut2 S.O.A.S. College itu telah mengalahkan P.W.D. Workshops Sports Club dengan 4 gol berbalas 2.

Persekutuan itu telah bertemu dengan pasukan penuntut2 S.O.A.S. College pada petang hari Rabu yang lalu dan berjaya mengalahkan-nya dengan 7 gol berbalas 1.

PASOKAN PELANDOK MENANG

SERIA — Pasokan Pelandok Shell terdiri dari ahli2 sukan Sharikat Minyak Shell telah mengalahkan Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell dalam satu pertandingan sukan di-Seria baharu2 ini.

Pasokan Pelandok Shell itu telah mendapat sa-jumlah 106 mata dan Sekolah Pertukangan mendapat 57 mata.

Pertandingan itu telah di-langsungkan di-Padang Shell Recreation Club dan di-saksikan oleh ramai peminat2 sukan.

Ja'afar Awang Besar dari Pasokan Pelandok itu telah menang perlumbaan2 lari 3 batu dan 1 batu.

Dalam perlumbaan lari 3 batu

Ja'afar telah mengambil masa 17 minit dan 56.8 sa'at, manakala dalam perlumbaan lari 1 batu pula ia telah mengambil masa 55 minit dan 28.9 sa'at.

Zunaidi Hamdan sa-orang lagi ahli sukan yang terkenal di-negeri ini dari pasukan Sekolah Pertukangan telah menang lumba lari 100 ela dan lompat jauh.

Zunaidi telah mengambil masa 10.5 sa'at dalam perlumbaan lari 100 ela dan dalam pertandingan lompat jauh ia telah melompat sa-jauh 21 kaki.

K.C. Mathews, ketua pasukan sukan Negeri Brunei yang telah berjaya dalam beberapa temasha sukan dalam negeri ini dan juga di-luar negeri dari Pasokan Pelandok telah menang lumba lari 220 ela dengan mengambil masa 23.3 sa'at dan lumba lari 440 ela dengan mengambil masa 58.3 sa'at.

Sa-orang lagi daripada ahli2 sukan yang terkenal di-negeri ini, iaitu A. Sibidol dari Pasokan Pelandok telah mendapat tempat yang pertama dalam pertandingan membaling lembing dan membaling peluru dan tempat yang kedua dalam pertandingan membaling piring besi.

Sibidol telah membaling lembing itu sa-jauh 157 kaki dan 7 inchi dan membaling peluru sa-jauh 39 kaki dan 2 inchi, manakala dalam pertandingan membaling piring besi ia telah membaling sa-jauh 106 kaki dan 2 inchi.

KETAWA SADIKIT



Orang2 ini bukan-lah pelakon2 sandiwara, tetapi mereka ia-lah sa-bilangan daripada guru2 dan murid2 S.O.A.S. College, Brunei yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan hockey pakaian beragam tidak berapa lama dahulu.

PERSIDANGAN KEMUNCHAK AFRO-ASIA

CASABLANCA. — Sultan Mohammed dari Maghribi telah menyeru kepada sidang “Kemunchak” Afro-Asia supaya mengambil langkah untuk melaksanakan rancangan 10 perkara bagi kemerdekaan Afrika dan mengokohkan perpaduan-nya.

Dalam ucapan-nya membuka sidang delapan negara Afro-Asia itu baharu2 ini Sultan Mohammed telah menhadangkan piagam yang berikut ini sa-bagai matalamat negara2 Afrika :

- ★ Menghapuskan pemerentahan2 penjajah dengan membebaskan wilayah2 yang masih terjajah.
- ★ Menghapuskan dasar perbezaan bangsa di-Afrika.
- ★ Menentang semua bentuk penjajahan yang baru dan yang lama.
- ★ Meujudkan perpaduan negara2 Afrika.
- ★ menguatkan pertahanan negara2 baru Afrika.
- ★ Mengsahkan dasar Afrika tidak menyebelah sa-barang blok.
- ★ Menyingkirkan semua tentera2 asing dari bumi Afrika.
- ★ Menentang ujian nukler di-Afrika.
- ★ Menentang champor tangan asing dalam hal a h w a l Afrika.
- ★ Bertindak mengokohkan keamanan di-dunia.

SOKONGAN

Sultan Mohammed juga telah menyatakan sokongan sidang itu kepada hak2 ra'ayat Algeria menchapai “kemerdekaan yang penuh dan tidak bersyarat.”

Beliau berkata peristiwa yang menjunjukkan “bagaimana penduduk2 Algeria bersatu menyokong Kerajaan Nasional Mereka de-

ngan menentang kekuasaan2 asing.”

Ceylon, enam negara Afrika Magribi, Republik Arab Bersatu, Libya, Ghana, Mali dan Guinea dan kerajaan pemberontakan Algeria yang dipimpin oleh Ferhat Abbas ada di-wakili di-persidangan tersebut.

7043 ORANG KA-MEKAH

PULAU PINANG — Sa-jumlah yang paling besar sekali orang2 Islam dalam masa sa-lepas perang ini akan bertolak ka-Mekah pada tahun ini dengan kapal “Kuala Lumpur,” kapal haji yang paling baharu sekali yang akan melakukan pelayaran-nya yang pertama.

Pesuruhjaya Haji Persekutuan, Tuan Haji Ali Rouse, menyatakan bahawa 7,043 orang jema'ah haji termasuk 646 orang daripada Singapura, Sarawak, Brunei dan British North Borneo, akan belayar dalam kapal itu.

Ini-lah jumlah jema'ah haji yang paling banyak sekali sejak perang.

Pada tahun yang lalu, jumlah itu ia-lah 5,351 orang.

Kapal “Kuala Lumpur” itu yang berat-nya 12,555 tan akan melakukan pelayaran sa-bagai berikut :

Pelayaran pertama : Daripada Singapura pada 14 February, Port

Persidangan itu telah di-anjurkan oleh Magribi terutama-nya untuk membinhangkan langkah2 negara2 Afro-Asia melihat kepada “keadaan yang makin merosot” di-Congo.

Untuk menjalankan rancangan 10 syarat bagi menentukan nasib Afrika, Sultan Mohammed telah menhadangkan supaya dituboh sa-buah Dewan Penasehat Afrika dan Jawatankuasa2 yang akan menyatukan dasar2 ekonomi, kebudayaan dan ketenteraan Afrika dan juga menentukan rupa bantuan yang hendak di-berikan kepada bangsa Afrika yang menjadi mangsa serangan.

Swettenham 15 February dan Pulau Pinang 16 February.

Pelayaran kedua : Singapura 22 March, Port Swettenham 23 March, dan Pulau Pinang 24 March.

Pelayaran yang ketiga : Singapura 26 April, Port Swettenham 27 April, dan Pulau Pinang 28 April.

Sa-buah kapal haji yang lain, kapal Anshun, akan bertolak daripada Singapura pada 8 February, Port Swettenham pada 9 February dan Pulau Pinang pada 10 February.

Demikian di-antara-nya di-beritakan oleh akhbar “BERITA HARIAN”.

PERSIDANGAN MEJA BULAT DI-CONGO

LEOPOLDVILLE. — Presiden Joseph Kasavubu telah meminta di-adakan satu persidangan meja bulat di-antara semua pemimpin politik Congo pada 25 January untuk menyelesaikan krisis sekarang.

Tuan Kasavubu menyatakan bahawa tempat persidangan itu akan di-tentukan kemudian nanti.

Sa-telah selesai persidangan itu, teraju pemerentahan akan di-sehkan kepada satu pertadbiran yang dikepalai oleh Tuan Ileo, kata Presiden Kasavubu.

Dari USUMBURA telah diberitakan bahawa sa-kurang2-nya 30 orang ahli2 pasukan payong terjun Congo yang di-ketuai oleh Kepala Staff Colonel Mobutu sedang di-beri rawatan doktor kerana terchedera.

Menurut berita2 yang tidak rasmi di-sini 100 askar Mobutu telah terbunuh dalam satu pertempuran hebat dengan askar2 yang menyokong Lumumba dari jajahan Kivu.

Pertempuran itu berlaku di-perbatasan kawasan amanah Ruanda-Urundi.

Luchut kera'ayatan

SURABAYA. — Kira2 3,000 orang China seberang laut di-kawasan ini telah meluchutkan kera'ayatan China mereka semenjak 21 August 1959.

DENGAN BERTUTOR BAHASA KEBANGSAAN.....

JELEBU — Hanya dengan bertutor bahasa kebangsaan sa-haja ra'ayat yang berbilang bangsa di-negeri ini dapat bekerja ber-satu padu mema'amorkan negeri yang baharu merdeka ini.

Ini telah di-nyatakan oleh Tuan Lim Kim Kee, Ahli Dewan Negeri, ketika beruchap dalam bahasa kebangsaan di-satu upacara perayaan menyambut ulang tahun ka-2 tertuboh-nya Badan Pemuda MCA Chawangan Kuala Klawang yang telah diadakan di-padang besar di-sini.

Beliau menyeru kepada pemuda pemudi MCA supaya mengambil bahagian dalam rancangan Bulan Bahasa yang di-anjurkan oleh Kerajaan pada akhir bulan January ini.

Sa-ramai lebih kurang 1,000

Letak jawatan

ANKARA. — Jema'ah Menteri Turki telah meletak jawatan baharu2 ini untuk memberi “kebebasan” kepada General Cemal Gursel, Ketua Negara dan Perdana Menteri, pada hari menjelang penubuhan Majlis Perhimpunan Perlembagaan yang baharu.

orang pemuda pemudi MCA dari Negeri Sembilan dan Johore telah mengambil bahagian dalam perayaan itu.

Satu perarakan beramai2 dari padang ka-pekatan Petaling sa-jauh kira2 dua batu telah di-adakan.

Pada malam-nya telah di-tunjokkan Malam Aneka Warna.

STAMP2 BARU BORNEO UTARA

JESSELTON. — Beberapa jenis stamp yang baharu akan dijual di-semua Pejabat Pos diseluruh Borneo Utara mulai dari 1 February hadapan.

Stamp2 itu ia-lah sa-bagai menggantikan semua stamp2 yang di-tarek balek daripada perjualannya mulai dari penghujung bulan ini.

Stamp2 keluaran yang baharu itu berharga 1 sen, 4 sen, 5 sen, 6 sen, 10 sen, 12 sen, 20 sen, 25 sen, 30 sen, 35 sen, 50 sen, 75 sen, \$1, \$2, \$5 dan \$10.

PENANGKAP LUMUMBA TERTANGKAP

LEOPOLDVILLE. — Kepala Jabatan Keselamatan Tentera Congo, Golbert Pongo, yang pada bulan yang lalu telah menangkap Tuan Patrice Lumumba, Perdana Menteri Congo yang pertama, telah di-tawan oleh penyokong2 Lumumba, demikian di-fahamkan di-sini.

Pongo telah mengesalai perhubungan askar2 Colonel Mobutu untuk merampas jajahan Kivu dari penyokong2 Lumumba tetapi perhubungan itu telah gagal. Ia telah di-tawan dan di-bawa ka-Stanleyville, ibu kota jajahan Oriental, kubu penyokong2 Lumumba.

Bersama2 Pongo di-Stanleyville ia-lah kira2 160 orang lagi askar2

Mobutu yang juga di-tawan di-Kivu.

Bangsa2 Bersatu berkata bahawa kedudukan di-Kivu nampaknya sedang pulih aman.

Kesemua orang Eropah yang di-tangkap baharu2 ini telah di-bebasikan tetapi Bangsa2 Bersatu sedang menghantar askar2 tambahan ka-sana mengandongi satu pasukan askar2 Indonesia dan satu pasukan askar2 Nigeria.

BAHASA JIWA BANGSA